

BAB 2 **ULASAN PENULISAN**

Pelbagai kajian serta penulisan untuk mengenalpasti tugas serta tanggungjawab pustakawan pengkatalogan dan kakitangan separa profesional di Bahagian Pengkatalogan telah dihasilkan oleh mereka yang merasakan perlunya penelitian dilakukan kepada peranan golongan tersebut. Hasil kajian dan penulisan dapat dibahagikan kepada beberapa pecahan berdasarkan kepada persoalan penyelidikan yang telah ditentukan.

2.1 Peranan Asal Pustakawan Pengkatalogan

Buttlar dan Garcha (1998) telah membuat satu kajian untuk mengenalpasti fungsi tugas yang dilakukan oleh pustakawan pengkatalogan di perpustakaan akademik dan bagaimana fungsi tersebut berubah selepas sepuluh tahun mereka bertugas. Kajian ini melibatkan pustakawan pengkatalogan di perpustakaan akademik yang berada di bawah pengurusan *ALA's Technical Service Division*. Lebih kurang 96% perpustakaan yang terlibat di dalam penyelidikan ini menggunakan perkhidmatan OPAC sepenuhnya. Penyelidikan ini dibuat dengan menggunakan borang soal selidik yang dihantar kepada 500 orang pustakawan pengkatalogan. Dari sejumlah tersebut, hanya 271 responden sahaja yang mengembalikan soal selidik berkenaan. Di dalam satu soalan mengenai peranan asal pustakawan pengkatalogan, lebih dari 70% menyatakan peranannya adalah untuk membentuk rekod bibliografi. Di samping itu juga, kerja-kerja untuk koleksi khusus masih perlu dilakukan oleh pustakawan pengkatalogan. Di dalam artikel yang ditulis oleh Howarth (1998), beliau berpendapat bahawa pustakawan pengkatalogan masih perlu melakukan kerja-kerja pengkatalogan bagi peringkat atasan serta

bertanggungjawab untuk mengawasi dan memastikan aliran kerja kakitangan separa profesional.

Eskoz (1991) telah mengkaji mengenai perubahan tanggungjawab dan status pustakawan pengkatalogan. Penyelidikan ini telah dijalankan ke atas pustakawan bahagian katalog di perpustakaan akademik di seluruh Amerika Syarikat. Kajian ini dilakukan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1983-84 berdasarkan kepada borang soal selidik yang dikirimkan kepada 106 orang responden, dan 1986-87 berdasarkan kepada temubual telefon dengan 40 orang responden asal. Di dalam temubual telefon, topik yang ditekankan adalah berkenaan struktur organisasi bahagian, diskripsi tugas semasa pustakawan pengkatalogan dan peranan yang dijangkakan dari pustakawan pengkatalogan. Pada tahun 1983-84 perubahan saiz kakitangan bahagian pengkatalogan berubah setelah perpustakaan menjalankan pengkatalogan dalam talian. Pengurangan kakitangan profesional adalah sebanyak 3% dari purata 20% per bahagian. Tetapi pada tahun 1986-87 bilangan kakitangan bahagian pengkatalogan tersebut menunjukkan tiada perubahan sama ada bagi kakitangan profesional atau kakitangan sokongan. Di dalam laporan ini, 65% dari responden menyatakan pustakawan pengkatalogan bertanggungjawab membuat rekod bibliografi. Pada tahun 1986-87 pula, jumlah ini telah berubah kepada 60% sahaja. Penyelidikan pada tahun 1983-84 juga menunjukkan hampir 75% bahagian penentuan tajuk perkara diserahkan kepada kakitangan profesional.

Kajian yang dilakukan oleh Futura (1990) menunjukkan bahawa pustakawan pengkatalogan masih menganggap bahawa pengkatalogan adalah tugas yang utama berbanding pentadbiran. Beliau juga berpendapat bahawa pengkatalogan bahan-bahan

yang sukar atau bermasalah masih memerlukan pustakawan pengkatalogan profesional untuk meyelesaikannya.

Perpustakaan juga dikatakan cuba mengurangkan kos dan salah satu bahagian yang terlibat adalah bahagian pengkatalogan (Gorman, 1996). Perpustakaan seperti ini mempercayai kakitangan pekeranian dan lain-lain kakitangan boleh ditugaskan untuk mengenalpasti rekod yang dibentuk oleh perpustakaan lain serta boleh diperolehi menerusi OCLC, RLIN, WLIN dan lain-lain agensi. Walaubagaimanapun strategi ini adalah kurang produktif kerana kakitangan bukan profesional tidak dapat menjalankan dengan baik tanggungjawab mengenalpasti rekod-rekod bibliografi yang dibentuk di dalam pangkalan data perpustakaan walaupun mereka mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman. Di samping itu juga, agensi-agensi seperti OCLC hanya bergantung kepada ahlinya untuk menyumbang rekod bibliografi ke dalam pangkalan data. Justeru itu apabila sesebuah perpustakaan tidak mempunyai khidmat pustakawan pengkatalogan, ianya akan menggagalkan usaha kerjasama dalam pembangunan pangkalan data bibliografi.

Di dalam kertas kerjanya yang dibentangkan di dalam simposium ALA pada tahun 1994, Hyslop telah membincangkan berkenaan perubahan dan kemajuan yang berlaku di dalam perkhidmatan teknikal. Menurut beliau, pustakawan pengkatalogan masih perlu melibatkan diri di dalam kerja-kerja pengkatalogan asal pada masa hadapan walaupun ianya berkurangan sedikit.

2.2 Peranan Pustakawan Pengkatalogan Dalam Era Kini

Di dalam kajian yang telah dijalankan oleh Buttlar dan Garcha (1998), didapati bahawa pustakawan pengkatalogan juga menjalankan tugas-tugas lain seperti pentadbiran, penyediaan katalog Internet, menjalankan sesi latihan penggunaan Internet, merekabentuk lama web dan menggunakan HTML. Inilah yang menyebabkan tugas pengkatalogan terpaksa diturunkan kepada kakitangan separa profesional atau tugas tersebut dilakukan secara *outsourcing* kepada syarikat tertentu.

Di dalam penyelidikan yang dilakukan oleh Eskoz (1991), terdapat beberapa buah perpustakaan telah berubah arah dan menambahkan beban tugas bagi pustakawan pengkatalogan mereka. Penyelidikan ini adalah penambahan dari penyelidikan yang dilakukan oleh Eskoz pada tahun 1986-87. Ianya bertujuan untuk melihat peranan dan penglibatan pustakawan pengkatalogan di perpustakaan akademik di dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan untuk orang ramai. Di dalam kajian yang dijalankan dalam bentuk temubual telefon pada tahun 1988, seramai 20 orang responden telah dipilih dari penyelidikan tahun 1983-84. Keputusan dari penyelidikan tersebut mendapati hanya 10 responden yang menggunakan perkhidmatan pustakawan pengkatalogan untuk pelbagai tugas. Dari bilangan tersebut hanya seorang responden sahaja yang menghapuskan terus tugas berkenaan. Manakala 4 orang responden lagi melaporkan penambahan tugas telah berlaku sejak 1983-84. Sebanyak 2 orang responden pula melaporkan mereka telah mengurangkan tugas dan 3 orang responden pula melaporkan berlakunya pertukaran tugas dan tiada penambahan atau pengurangan beban tugas. Walaubagaimanapun masih terdapat banyak perpustakaan yang masih mengekalkan organisasi perkhidmatan teknikal secara berasingan. Penambahan beban

tugas pustakawan pengkatalogan ini merangkumi tugas-tugas seperti melakukan tugas rujukan, membangunkan koleksi dan membuat bibliografi. Bagi membantu perubahan tugas ini untuk memberi program perpustakaan yang lebih efektif, Eskoz mencadangkan perkara-perkara berikut : latihan mengkatalog bahan secara terus diadakan untuk kakitangan separa profesional dengan bantuan kakitangan profesional, taklimat bibliografi kepada pengguna perpustakaan mengenai penggunaan katalog adalah lebih baik dilakukan oleh pustakawan pengkatalogan kerana mereka lah orang yang paling "rapat" dengan katalog, penyelidikan dengan bantuan komputer adalah lebih baik disertai oleh pustakawan pengkatalogan kerana ianya melibatkan perkongsian tugas, pembangunan koleksi dan penyelidikan serta penerbitan.

Artikel yang ditulis oleh Eaton (1996), berpendapat bahawa pustakawan pengkatalogan perlu melengkapkan diri mereka dengan kemahiran untuk menghasilkan diskripsi bibliografi yang dapat merangkumi segala jenis bahan yang terdapat di perpustakaan atau dapat diakses menerusi Internet. Oleh itu satu lagi tugas bagi pustakawan pengkatalogan ialah menyelenggara perhubungan di antara katalog perpustakaan dan laman web dengan sumber yang terdapat di dalam Internet.

Meyer (1997) berpendapat bahawa tugas pustakawan juga menjadi semakin mudah dengan adanya rekod bibliografi berkomputer. Perubahan ini juga memaksa mereka untuk menggabungkan kepakaran teknologi dengan kemahiran yang ada bagi menjadikan tugas mereka lebih baik. Oleh yang demikian pustakawan pengkatalogan perlu inisiatif untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi masa kini.

Manakala Beacom (1996) pula berpendapat bahawa tanggungjawab dan tugas pustakawan pengkatalogan semakin bertambah dan mengalami perubahan. Walaupun

pada peringkat permulaan pustakawan pengkatalogan diharapkan mempunyai kemahiran bibliografi dan penggunaan komputer tetapi tugas yang dilakukan adalah berbeza. Tanggungjawab yang diberikan adalah lebih kepada mengkatalog bahan internet, merekabentuk program komputer, merekabentuk dan mengurus senarai sumber internet, merekabentuk dan mengurus laman web, membuat HTML, membangunkan polisi perpustakaan untuk pengurusan dan menerima sumber dalam talian, memberi nasihat mengenai laman web perpustakaan dan lain-lain kerja yang berkaitan dengan kaedah digital.

Kajian dilakukan oleh Futura (1990) untuk mengkaji penggunaan sistem pengautomasian serta kesannya kepada kakitangan profesional dan membuat penganalisaan iklan jawatan pengkatalogan dari tahun 1970 hingga 1989. Di dalam kajian tersebut, beliau juga mengkaji tanggungjawab pentadbiran yang semakin bertambah di kalangan pustakawan pengkatalogan di masa hadapan. Keputusan diperolehi dari jumlah peratus yang telah ditetapkan berdasarkan kedudukan bagi jawatan bukan pentadbiran yang memerlukan tanggungjawab penyelia. Menurut keputusan yang dinyatakan, aliran menunjukkan tanggungjawab mentadbir yang diperlukan dari seorang pustakawan pengkatalogan semakin meningkat sebelum tahun 1984. Selepas tahun tersebut gambaran keputusan yang diberikan semakin menurun. Melalui kajian ini juga Futura berpendapat, ramai orang menganggap bahawa pustakawan pengkatalogan adalah seorang yang serba boleh sehingga ada di antaranya bertugas sebagai pustakawan rujukan misalnya. Ini dilihat dari kajian jumlah pekerjaan yang melibatkan tugas-tugas yang dijalankan selain dari mengkatalog. Ianya menunjukkan dari tahun 1970 hingga 1976, peratusan bagi

perubahan pekerjaan/tugas adalah amat ketara iaitu di antara 0% hingga 64%. Walaubagaimanapun aliran seterusnya menunjukkan kadar yang semakin menurun.

Di dalam perbincangan 1998 *ALA Midwinter Conference* yang melibatkan 40 orang pustakawan, beberapa ide telah dikenalpasti bagi memenuhi keperluan pengguna perpustakaan. Di antara ide tersebut adalah perlunya pustakawan pengkatalogan melakukan kerja-kerja rujukan dan pustakawan pengkatalogan juga dilihat sebagai individu yang sesuai untuk mengajar pengguna berkenaan dengan maklumat bibliografi. Di dalam ide pertama itu, pustakawan pengkatalogan dikatakan dapat memenuhi keperluan pengguna untuk mendapatkan serta melakukan pencarian katalog. Oleh yang demikian, maklumat yang akan disampaikan sebagai pustakawan rujukan adalah jelas. Manakala bagi ide kedua pula, mereka berpendapat bahawa individu yang membuat keputusan teknikal tahu apa yang diperlukan oleh pengguna. Dengan meletakkan pustakawan pengkatalogan sebagai tenaga pengajar, beliau dapat memberi tunjuk ajar kepada pengguna berkenaan maklumat bibliografi yang terkandung di dalam katalog.

Di dalam artikel yang ditulis oleh Brisson (199_), beliau menerangkan berkenaan penggunaan sistem pengkatalogan berkomputer, di mana pengkatalogan dapat dilakukan dengan menggunakan *workstation*. Oleh yang demikian pustakawan merupakan seorang pengurus yang perlu mempunyai pengetahuan bekerja dengan persekitaran berkomputer dan mengendali operasi bahagian dalam menilai keperluan semasa.

Gorman (1998) menyatakan bahawa pustakawan pengkatalogan adalah individu yang memainkan peranan penting di dalam menentukan kejayaan sesebuah masyarakat yang memerlukan pembelajaran dan pendidikan di dalam membangun kehidupan. Mereka perlu memastikan struktur bibliografi yang dibentuk semakin bertambah dan

membangun secara dua hala. Pertama, memastikan bahawa dokumen elektronik disusun dan disimpan agar dapat digunakan oleh generasi hadapan. Kedua, membuktikan bahawa piawai bibliografi adalah menyeluruh dan memastikan ianya mencapai tahap piawai yang baru bagi peringkat kerjasama global. Walaupun sesetengah pihak berpendapat bahawa pengkatalogan dan pustakawan pengkatalogan tidak diperlukan lagi, Gorman menyatakan bahawa pustakawan pengkatalogan akan memainkan peranan yang lebih meluas lagi bagi menentukan hala tuju perpustakaan dan masyarakat di masa hadapan.

Gorman (1996), telah menyatakan bahawa peranan pustakawan akan menjadi lebih bermakna jika ia menggabungkan juga kerja-kerja rujukan. Ini adalah kerana seseorang pustakawan pengkatalogan bukan sahaja mengetahui mengenai struktur bibliografi tetapi juga berpengetahuan mengenai bahan-bahan perpustakaan. Beliau juga menyatakan bahawa pustakawan rujukan yang tidak memahami tentang pengawalan bibliografi tidak berfungsi sepenuhnya. Koleksi perpustakaan dapat dibangun dan diselenggarakan oleh mereka yang faham mengenai struktur rekod dan cara maklumat dibentuk.

Menurut Hyslop (1994), aliran penurunan tugas pengkatalogan kepada kakitangan separa profesional akan bertambah dan pustakawan pengkatalogan diperlukan untuk melakukan tugas-tugas seperti mengajar dan memberi arahan, mengkatalog bahan-bahan yang sukar, menasihati kakitangan pengkatalogan separa profesional, mengendali pengaksesan elektronik, melibatkan diri dengan pengkomputeran bahan-bahan perpustakaan untuk didigitalkan, memberi sumbangan kepada isu-isu piawai dan polisi, membangun dan merancang kemampuan sistem, merekabentuk serta merancang penggunaan sistem yang direka.

Perubahan peranan pustakawan pengkatalogan ini juga diakui oleh Giesecke dan Walter (199__). Menurut mereka, beberapa peranan yang diharapkan dari kakitangan profesional adalah seperti menyediakan bahasa dan kepakaran tajuk perkara untuk terjemahan dan pengkatalogan, menjadikan mereka sebagai sumber kepada kakitangan lain, memberi tumpuan kepada bahan-bahan yang memerlukan pengkatalogan asal, menyediakan dokumentasi, menyediakan - perkhidmatan latihan kepakaran, menganggotai jawatankuasa perpustakaan, menyediakan projek bersama perpustakaan lain, melibatkan diri di dalam keputusan polisi dan penyelesaian masalah secara keseluruhan bagi perpustakaan berkenaan.

Di dalam melakukan penyusunan semula peranan pustakawan pengkatalogan, mereka perlu melibatkan diri dalam pembangunan koleksi, pengoperasian komputer, pembelajaran jarak jauh atau perhubungan awam. Penentuan telah dibuat bahawa peranan utama mereka adalah penglibatan dengan teknologi maklumat melalui pembentukan katalog dan pangkalan data untuk talian kampus. Di samping itu, mereka juga bertanggungjawab dalam kerja-kerja menasihati perpustakaan akademik di dalam jangkauan kawasan tertentu. Juga dengan kepakaran bahasa atau tajuk perkara, pustakawan pengkatalogan perlu melakukan kerja-kerja membantu pustakawan perkhidmatan awam di dalam membangunkan koleksi, rujukan dan penentuan tanggungjawab.

Pustakawan pengkatalogan juga dikatakan bertanggungjawab untuk membentuk rekod bibliografi bagi sumber internet. Ianya melibatkan mereka dengan tugas membangunkan koleksi bagi tujuan pengaksesan maklumat elektronik yang merangkumi penerangan jenis maklumat yang perlu ditambah, bagaimana memilih jalan yang terbaik

untuk mengakses pangkalan data dan bagaimana cara untuk memberi penerangan mengenai sumber tersebut kepada pengguna. Pustakawan pengkatalogan masa kini telah bersedia untuk menerima tanggungjawab baru termasuk mengurus pengkatalogan secara kontrak bagi koleksi khusus seperti jurnal elektronik, laman web dan lain-lain sumber internet. Menurut penulis, pustakawan perkhidmatan teknikal telah pun melibatkan diri dalam pembangunan polisi dan prosedur untuk menggunakan teknologi baru di dalam koleksi dan perkhidmatan.

Di dalam perbincangan yang diadakan oleh *Committee on Education, Training and Recruitment of Catalogers*, Byrum (1997) berpendapat bahawa perubahan teknologi telah mencabar pustakawan pengkatalogan profesional untuk mencari jalan penyelesaian baru bagi menyelesaikan masalah mereka. Beliau menyatakan bahawa perubahan di dalam katalog telah menghubungkan mereka kepada dunia internet dan kemunculan sumber-sumber elektronik sebagai katalog telah mengambil alih peranan mereka di dalam penyediaan pengaksesan bahan-bahan digital. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab ALCTS dan pustakawan pengkatalogan sendiri untuk belajar, melibatkan diri dan menjalani latihan untuk menghadapi perubahan ini.

Peranan pustakawan pengkatalogan telah diperkatakan oleh kumpulan perbincangan di dalam *1997 ALA Annual Conference*. Di dalam perbincangan tersebut, Sylvia (1997), telah menyatakan bahawa pustakawan perkhidmatan teknikal di University St Mary di Texas telah diberi tanggungjawab untuk mengajar pengetahuan bibliografi. Menurut beliau, setiap persoalan yang ditimbulkan oleh pengguna berkenaan bahan-bahan perpustakaan dan perkhidmatan hanya boleh diselesaikan oleh kakitangan yang berkaitan sahaja. Selain daripada itu perkembangan aliran *outsourcing* juga telah

mendorong pustakawan perkhidmatan teknikal untuk melakukan tugas-tugas lain seperti rujukan dan pengajaran.

Semasa 1997 *ALA Midwinter Conference*, beberapa topik telah dibincangkan, antaranya mengenai masa depan pustakawan pengkatalogan profesional. Perbincangan ini berkisar kepada peranan semasa di dalam perpustakaan individu dan apakah yang akan terjadi kepada peranan ini di dalam perpustakaan pada masa hadapan. Peserta berpendapat bahawa pustakawan pengkatalogan perlu bertolak ansur mengenai pendekatan kepada tugas mereka pada masa kini. Di samping itu juga, pustakawan pengkatalogan juga perlu sentiasa melihat bahawa setiap kemahiran yang ada pada mereka dapat digunakan untuk pembangunan dan penggunaan teknologi baru.

Di dalam usaha untuk memprofesionalkan kerja-kerja pustakawan, Gorman (1994) telah mengemukakan satu teori yang dikenali sebagai "*drift down theory*". Teori tersebut menyatakan pustakawan tidak sepatutnya melakukan kerja yang boleh dilakukan oleh kakitangan separa profesional, tiada kakitangan separa profesional yang perlu melakukan kerja yang boleh dilakukan oleh kakitangan keranian dan tiada manusia yang perlu melakukan kerja yang boleh dilakukan oleh mesin. Dengan itu menurut beliau, pustakawan akan dapat melakukan tugas-tugas yang lebih profesional. Di samping itu juga, perpustakaan akademik utama di Amerika Syarikat memperolehi 85% kerja-kerja pengkatalogan mereka secara dari dalam talian. Walaubagaimanapun, sesetengah bahan masih memerlukan pustakawan pengkatalogan untuk melakukan pengkatalogan asal. Setiap pustakawan pengkatalogan memainkan peranan dalam menyediakan rekod bibliografi untuk pengguna perpustakaan di negara dan di seluruh dunia di dalam talian. Disebabkan bahan-bahan tersebut kadang kala terhad atau unik, ianya memerlukan

kepakaran dari pustakawan pengkatalogan profesional dan pakar dalam menentukan rekod bibliografinya. Menurut penulis, kemajuan kini menyebabkan pustakawan pengkatalogan akan terus memainkan peranan walaupun perpustakaan telah diautomasi. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab pustakawan pengkatalogan pada masa hadapan untuk merangkaikan komunikasi elektronik secara dalam talian bagi menghubungkan setiap pengguna dari serata tempat untuk mendapatkan maklumat. Beliau juga berpendapat bahawa pada masa hadapan apabila wujudnya dokumen elektronik, berkemungkinan besar tugas pengawalan bibliografi akan merupakan aktiviti utama pustakawan pengkatalogan profesional.

2.3 Peranan Kakitangan Separa Profesional/Sokongan Di Bahagian Pengkatalogan

Menurut keputusan penyelidikan yang dilakukan oleh Buttlar dan Garcha (1998), 75% jawapan yang diberikan oleh responden menyatakan tentang aliran yang melibatkan kakitangan separa profesional di dalam pengkatalogan peringkat atasan. Kajian ini juga menunjukkan kualiti kerja pengkatalogan yang dilakukan oleh kakitangan separa profesional yang tidak mempunyai pendidikan khusus dan kurang pengetahuan menjadikannya kurang bermutu.

Di dalam artikel yang ditulis oleh Howarth (1998), beliau berpendapat pada masa kini kakitangan separa profesional diberikan tugas membuat pengkatalogan yang mudah. Perkara ini dipersetujui oleh Sibley (1998). Menurut beliau, pada masa kini kakitangan separa profesional dan pekeranian juga bukan sahaja melakukan proses menyalin katalog tetapi kadang kala juga membuat proses pengkatalogan asal.

Menurut Eskoz (1991) yang telah melakukan kajian ke atas perubahan tanggungjawab dan status pustakawan pengkatalogan pada tahun 1983-84 dan 1986-87, 30% menyatakan tanggungjawab membuat rekod bibliografi dilakukan oleh kedua-duanya iaitu kakitangan profesional dan separa profesional di dalam kajian pertama dan bertambah kepada 35% di dalam kajian seterusnya. Ini disebabkan kebanyakan bahagian pengkatalogan telah memberi tanggungjawab kepada kakitangan separa profesional untuk melakukan kerja-kerja pengkatalogan salinan. Penyelidikan 1983-84 menunjukkan penentuan tajuk perkara diserahkan kepada kakitangan separa profesional dan pada 1986-87, 66.6% masih melakukan perkara yang sama.

Menurut Tan (1996), dalam menghadapi era moden, jumlah pustakawan pengkatalogan semakin berkurangan. Pada peringkat permulaan, beliau mengemukakan pendapat bahawa pengkatalogan perkongsian (*shared cataloging*) telah menyebabkan ramai kakitangan bahagian tersebut dikurangkan yang mana secara tidak langsung telah mengurangkan perbelanjaan perpustakaan. Ianya juga menunjukkan kuantiti dan kualiti katalog semakin baik. Beliau juga menyatakan, menurut penyelidikan yang telah dijalankan oleh Phelps dan Getz (1984), kesan dari pengkatalogan berkomputer telah menyebabkan kakitangan perpustakaan akademik secara tidak langsung terhad. Walaupun ini tidak melibatkan pustakawan pengkatalogan tetapi disebabkan kaedah pengkatalogan perkongsian, maka kerja-kerja membuat katalog perpustakaan dirasakan tidak penting lagi.

Martinez (1998), menyatakan dengan perkembangan teknologi masa kini, lebih ramai kakitangan yang berpendidikan dan khusus dalam sesuatu bidang amat diperlukan. Ini adalah kerana tanggungjawab kakitangan separa profesional semakin bertambah.

Menurut beliau, kakitangan sokongan atau separa profesional perlu mempunyai pengetahuan mengenai sistem komputer. Justeru itu, pemilihan kakitangan perlu dilakukan berdasarkan tahap pendidikan. Ini dikemukakan di dalam penerbitan COLT (1985) bertajuk *Job Descriptions for Library Support Personnel*, yang menunjukkan profil kakitangan sokongan dan separa profesional yang dipertanggungjawab melakukan tugas-tugas kakitangan profesional seperti pengawalan bibliografi.

Artikel yang diterbitkan untuk World Book – *ALA Goal Award Project on Library Support Staff* membuktikan bahawa pada masa sekarang kakitangan separa profesional banyak melakukan tugas-tugas seperti transaksi pinjaman antara perpustakaan dan pengkatalogan salinan (*copy cataloging*), pencarian data dalam talian serta penerangan tentang bibliografi.

Knutson (1992) pula berpendapat, kerja-kerja pengkatalogan sekarang banyak melibatkan kakitangan separa profesional. Manakala menurut Harris (1992), bahagian pengkatalogan masih memerlukan kemahiran disebabkan teknologi maklumat. Kakitangan separa profesional dikatakan melakukan tugas-tugas profesional manakala kakitangan profesional pula terpaksa menumpukan kepada kerja-kerja pentadbiran dan peranan sistem perpustakaan.

Di dalam kajian yang dilakukan oleh Futura (1990), beliau berpendapat bahawa pengautomasian telah membolehkan kakitangan separa profesional memproses bahan-bahan perpustakaan dengan lebih cepat. Satu penyelidikan telah dilakukan oleh Oberg (1995) yang menunjukkan bahawa pengkatalogan asal, termasuk analisa perkara dan pengkelasan dilakukan oleh kakitangan sokongan di perpustakaan ARL.

Giesecke dan Walter (199_), telah menulis mengenai perkhidmatan teknikal yang terdapat di perpustakaan University of Nebraska-Lincoln. Menurut mereka, semasa inflasi, pembelian buku berkurangan dan sehubungan dengan itu kerja-kerja di bahagian pengkatalogan pun berkurangan. Justeru itu, enam dari sembilan jawatan perkhidmatan teknikal telah dipindahkan ke perkhidmatan awam. Dengan perubahan yang dilakukan di bahagian perkhidmatan pelanggan, pustakawan pekhidmatan teknikal merasakan bahawa kemahiran yang ada pada mereka telah tidak dipedulikan. Keputusan telah diambil di mana kakitangan sokongan berupaya mengendalikan kebanyakan kerja-kerja pengeluaran.

Menurut Gorman (1994), di dalam menghadapi perubahan peranan pustakawan pengkatalogan, pelbagai tugas yang dijalankan, seperti pengkatalogan asal, telah dipertanggungjawabkan kepada kakitangan separa profesional dan pekeranian.

2.4 Outsource Tugas-tugas Pengkatalogan Dan Pengkatalogan Salinan

Di dalam kajian yang dilakukan oleh Buttlar dan Garcha (1998) berkenaan pembahagian katalog, 27% dari responden menyatakan perpustakaan mereka telah *outsource* kerja-kerja pengkatalogan, sementara 12.2% melakukan tugas pengkatalogan salinan. Responden menyatakan bahawa *outsource* terpaksa dilakukan oleh syarikat-syarikat tertentu kerana pustakawan pengkatalogan mempunyai pelbagai tanggungjawab yang terpaksa dilaksanakan.

Perpustakaan Ohio State University merupakan sebuah perpustakaan yang mula-mula sekali mencuba sistem OCLC iaitu *PrompCat* (Diedrichs, 1998). Percubaan ini dilakukan pada tahun 1984 dan mereka berpendapat ianya satu pembaharuan yang perlu

dilakukan bagi mengurangkan tugas-tugas pengkatalogan yang kompleks. Dalam tahun 1980an, Diedrichs telah mencipta sistem yang boleh melaksanakan tugas pengkatalogan asal. Mereka beranggapan bahawa semua tugas dapat dilakukan oleh mesin. Pada tahun 1990an pula sebuah sistem dan alatan (tools) seperti *LC Catalogers' Desktop* dapat menyediakan dan melakukan proses pengkatalogan. Walaubagaimanapun, sistem ini masih tidak dapat menggantikan pustakawan pengkatalogan bagi melakukan tugas-tugas yang sukar. Bagi *PromptCat* pula, ia hanya dapat memproses bahan secepat mungkin di dalam OCLC sebaik sahaja bahan itu diterima. Beberapa penerbit luar juga terlibat di dalam projek ini, antaranya Yankee Book Peddler. Penulis juga berpendapat bahawa perkhidmatan ini dapat dinilai dari beberapa perspektif iaitu adakah kos efektif atau nilainya murah dari pemprosesan secara tradisional atau dapat menambahkan jumlah katalog atau lain-lain aktiviti yang dapat dilakukan oleh jumlah kakitangan yang sama. Menurut artikel ini lagi, beberapa perpustakaan menilai perkhidmatan *PromptCat* dan menolaknya kerana merasakan kelajuan, keefisyen dan kos untuk memproses bahan yang diterima adalah tidak berubah dari menggunakan perkhidmatan dalam. Manakala terdapat sesetengah perpustakaan pula memberi pendapat yang berbeza.

Mengenai isu *outsource*, sesetengah pentadbir universiti berpendapat bahawa penswastaan akan mengurangkan kos dan meningkatkan kualiti (Hyslop, 1994). Penulis berpendapat bahawa penswastaan keseluruhannya bagi bahagian pengkatalogan adalah satu jalan ringkas kerana perpustakaan penyelidikan yang besar akan menganggap *outsource* sebagai salah satu alatan. Walaubagaimanapun Hyslop menyatakan bahawa *outsource* bukanlah merupakan ancaman kepada bahagian pengkatalogan kerana ia juga merupakan perkhidmatan yang mempunyai nilai yang dapat membantu operasi dalaman

sesebuah perpustakaan. *Outsource* juga perlu bagi sesetengah perpustakaan yang tidak mempunyai pakar di dalam satu-satu bahasa.

2.5 Penentuan Kualiti Katalog Yang Dilakukan Oleh Kakitangan Separa Profesional dan Sokongan

Dari kajian yang dilakukan oleh Eskoz (1991), bagi soalan yang dikemukakan berkenaan penyeliaan pustakawan pengkatalogan (selain daripada ketua bahagian) terhadap kerja-kerja yang dilakukan oleh kakitangan separa profesional, 47% menyatakan penyeliaan dibuat secara terus, 28% menyatakan melakukan tugas tersebut secara terhad dan 25% lagi langsung tidak menyelia. Secara ringkas dari kedua-dua kajian, penyelidik telah membuat kesimpulan bahawa 40% telah menambahkan tugas penyeliaan, 5% mengurangkan tugas berkenaan, 45% melaporkan pengurangan atau tiada langsung dan 10% tidak menyediakan maklumat tugas-tugas penyeliaan dari soal selidik mula tetapi melaporkan tiada perubahan sejak 1983-84. Maklumat yang diperolehi dari ketua bahagian katalog di dalam kajian tersebut yang melibatkan kakitangan separa profesional dalam kerja-kerja pengkatalogan, penyeliaan dapat mengekalkan kualiti dan kuantiti kerja.

Menurut Meyer (1997), pengkatalogan dalam talian dapat memberikan hasil yang baik, cepat diakses serta tidak memerlukan kakitangan yang ramai. Dengan perkembangan teknologi, pustakawan pengkatalogan perlu lebih peka dengan penggunaan komputer.

Gorman (1996) menyatakan kini terdapat aliran perpustakaan *outsource* bahan-bahan untuk dikatalog. Bagaimanapun menurut beliau, walaupun sesebuah perpustakaan

outsource perkhidmatan pengkatalogan, mereka masih memerlukan sekurang-kurangnya seorang pustakawan untuk memastikan kualiti pengkatalogan dan menyelenggara pangkalan data.